

## SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

### 1. Apakah itu RFID?

Pelekat RFID (RFID) dipanggil sebagai tag RFID mengandungi cip frekuensi radio yang dilekatkan pada cermin hadapan (windscreen) atau lampu depan (headlamp) kenderaan.

RFID akan digunakan sebagai salah satu medium pembayaran tol elektronik yang baharu. Tag RFID ini hanya boleh dipasang dan didaftar untuk satu kenderaan sahaja dan tidak boleh dipindah milik.

Apabila kenderaan melalui tol, pengimbas di plaza tol akan mengimbas frekuensi radio daripada tag RFID dan bayaran tol akan ditolak daripada akaun bank pelanggan di atas talian menggunakan kaedah "Open Payment".

### 2. Apakah yang dimaksudkan dengan "Open Payment"?

Open Payment adalah satu kaedah pembayaran tol yang diperkenalkan oleh pihak PLUS dengan kerjasama pihak bank.

Kaedah ini memberikan pelanggan lebih pilihan semasa melakukan proses pembayaran tol di mana kadar bayaran tol akan ditolak dari akaun bank pelanggan.

Pelanggan hanya perlu mendaftarkan Kad Bank samada Kad Debit atau Kad Kredit peribadi untuk membolehkan transaksi bayaran tol.

### 3. Apakah perbezaan antara PLUS RFID dan E-Wallet Touch 'n Go RFID?

PLUS RFID adalah kaedah bayaran tol dengan Open Payment yang membenarkan pelanggan menggunakan Akaun Bank peribadi yang didaftarkan atau menggunakan Touch 'n Go e-Wallet sebagai kaedah pembayaran.

Manakala e-Wallet Touch 'n Go RFID adalah kaedah bayaran tol yang ditadbir urus oleh pihak Touch 'n Go sendiri. Tujuan ujian perintis PLUS RFID yang ditadbir urus oleh PLUS Malaysia ini adalah menawarkan pilihan dan alternatif bagi rakyat untuk bebas memilih kaedah membayar tol.

### 4. Bilakah RFID Open Payment akan bermula?

RFID Open Payment adalah bermula pada 15 Disember 2018 dengan ujian perintis secara berperingkat di:

- i) Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang
- ii) Plaza Tol Kubang Semang (BKE)
- iii) Plaza Tol Lunas (BKE)
- iv) Plaza Tol Jitra

**5. Bagaimana RFID berfungsi di plaza tol?**

Apabila kenderaan melalui plaza tol, pengimbas akan mengimbas frekuensi radio daripada tag RFID, kemudian palang tol akan terbuka dan kadar tol akan ditolak daripada akaun bank pengguna yang telah didaftarkan.

**6. Adakah terdapat sebarang caj yang dikenakan semasa pemasangan tag RFID dilakukan?**

Tiada caj akan dikenakan untuk pemasangan tag RFID pada fasa ujian ini sehingga diberitahu kelak

**7. Siapa yang boleh mendaftar menjadi pengguna ujian perintis ini?**

Ujian perintis ini adalah dibuka kepada:-

- i. Semua warganegara Malaysia yang memandu kereta kelas 1 (Plaza Tol lain) dan kelas 2 (Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang)
- ii. Pengguna baharu yang tidak berdaftar dengan mana-mana *pilot* RFID bagi pembayaran tol yang lain seperti Touch 'n Go e-wallet. Hal ini adalah untuk memenuhi hasrat kerajaan untuk satu tag satu kereta. Sila rujuk : <https://www.careta.my/article/hanya-satu-pelekat-rfid-di-kenderaan-kata-kementerian-kerja-raya>

**8. Bagaimana cara memasang tag RFID?**

Kebiasaannya tag RFID akan ditampal pada cermin hadapan dalam kereta, kerana lokasi tersebut adalah lokasi yang paling optimum untuk diimbas oleh pengimbas RFID.

Pemasangan pada lampu hadapan hanya akan digunakan sebagai alternatif sekiranya cermin hadapan kereta tidak memenuhi piawaian RFID.

Kedudukan pemasangan RFID akan ditentukan di Fitment Centre oleh agen pemasangan PLUS yang sah. Pendaftaran dan pemasangan tag bagi setiap kenderaan dijangka mengambil masa tidak melebihi 15 minit.

**9. Bolehkah saya memasang sendiri tag RFID?**

TIDAK. Setiap pemasangan pelekat RFID hanya boleh dilakukan oleh pihak yang berdaftar iaitu PLUS "Fitment Team" yang boleh didapati di "Fitment Centre".

**10. Di manakah lokasi "Fitment Centre" untuk pemasangan tag RFID?**

Fitment Centre akan dibuka di 2 lokasi seperti berikut untuk Ujian Perintis:

- i. Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang
- ii. Pejabat Seksyen N3 Kubang Semang

**11. Saya telah mendaftar (*pre-registration*) minat saya untuk menyertai ujian ini. Mengapakah saya tidak menerima e-mel selanjutnya untuk proses pemasangan pelekat RFID?**

Ujian perintis ini adalah dilakukan secara berperingkat. Pihak kami akan menjemput para pengguna terpilih mengikut fasa. Sekiranya tuan/puan masih belum menerima jemputan, sila nantikan maklumat dan emel selanjutnya dari pihak PLUS.

**12. Saya tidak tinggal di kawasan berdekatan plaza tol yang disenaraikan di no. 4. Bolehkah saya mendaftar untuk *pre-registration*?**

Boleh. Buat masa sekarang, prioriti pemasangan RFID diberikan untuk pengguna yang kerap melalui plaza-plaza tol disenaraikan di no. 4. Pihak PLUS akan mengumumkan pelaksanaan di kawasan lain kelak. Sila nantikan pengumuman selanjutnya dari pihak PLUS.

**13. Bolehkah saya walk-in terus ke Fitment Centre yang tersenarai di no. 10?**

Tidak. Sekiranya tuan/puan mendapat emel jemputan untuk menjadi peserta ujian perintis, pengguna perlu mengisi maklumat berkenaan perihal diri, kenderaan dan akaun bank di laman web portal, seterusnya membuat temujanji untuk pemasangan pelekat RFID. Untuk memastikan keefisienan temujanji dan masa pemasangan yang optimum untuk pengguna, tuan/puan diminta membuat temujanji terlebih dahulu sebelum ke Fitment Centre kami.

**14. Adakah semua lorong di Plaza Tol Kubang Semang, Lunas, Jitra dan Jambatan Pulau Pinang mempunyai kemudahan RFID?**


Hanya satu lorong akan disediakan untuk setiap hala di plaza-plaza tol tersebut. Lorong tersebut akan dipaparkan dengan paparan (signage) SmartTAG + MyRFID.

**15. Apakah fungsi lorong 'SmartTAG + MyRFID'?**

Lorong SmartTAG + MyRFID boleh menerima transaksi SmartTAG atau RFID pada sesuatu masa. Ia boleh dikenalpasti melalui paparan (signage) MyRFID yang turut digunakan untuk RFID e-Wallet Touch 'n Go **kecuali** Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang.

**16. Bagaimanakah cara untuk mengenalpasti Lorong RFID Open Payment?**

Berikut adalah “signage” untuk lorong yang beroperasi menggunakan RFID. Ianya boleh didapati di lorong-lorong seperti yang tertera di bawah:



**17. Adakah E-wallet Touch 'n Go RFID boleh menggunakan lorong RFID Open Payment seperti jadual di atas?**

YA, kecuali di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang kerana Lorong tersebut masih dalam proses pembangunan oleh pihak Touch 'n Go. Sila rujuk laman web Touch 'n Go Sdn. Bhd untuk maklumat lanjut.

**18. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya tag PLUS RFID dikenakan caj sebanyak 2 kali?**

Sekiranya berlaku keadaan tersebut, pelanggan hendaklah menghubungi pihak bank.

**19. Apakah yang perlu dilakukan oleh peserta ujian perintis ini sekiranya mereka TIDAK mempunyai baki yang cukup di dalam akaun ketika membuat pembayaran di lorong tol?**

Untuk transaksi kali pertama, palang tol akan terbuka. Walau bagaimanapun pengguna akan menerima SMS menyatakan transaksi gagal dan status Tag RFID pada masa ini disenaraihitamkan sehingga pengguna mempunyai wang di dalam akaun berdaftar. Pihak bank akan menolak jumlah bayaran tol yg tertunggak dan mengemaskini akaun anda.

**20. Adakah saya mendapat sebarang pemberitahuan dari pihak Bank apabila transaksi dilakukan di lorong?**

Bergantung kepada bank pengeluar kad. Ada bank yang akan menghantar pemberitahuan melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dan ada bank yg tidak menghantar pemberitahuan. Sila hubungi pihak bank pengeluar kad debit/kredit anda untuk maklumat lanjut.

**21. Adakah saya perlu mengaktifkan 3D bersama pihak bank sebelum melakukan transaksi RFID Open Payment?**

YA, anda perlu mengaktifkan atau opt-in transaksi 3D tersebut.

**22. Bagaimana cara untuk saya mengaktifkan 3D tersebut?**

Berikut adalah langkah yang perlu dilakukan:

- i. Menghubungi pihak Bank melalui No. Telefon yang tertera di belakang Kad Bank yang didaftarkan.
- ii. Menyediakan Kad Bank yang didaftarkan sebelum melakukan panggilan.
- iii. Pihak Bank akan bertanya beberapa soalan berkaitan pemegang Kad tersebut.
- iv. Minta pihak Bank mengaktifkan Kad Bank tersebut dengan menyatakan 'Aktifkan RFID – Tol PLUS'.
- v. Setelah diaktifkan, pengguna boleh melakukan ujian di Lorong yang disediakan.

**23. Sekiranya RFID tidak dapat digunakan di lorong, apakah langkah alternatif saya?**

Pengguna ujian perintis masih boleh menggunakan Kad Pintar Touch 'n Go seperti biasa untuk urusan pembayaran tol. Tekan butang pada interkom untuk sebarang bantuan.

**24. Adakah permohonan timbang tara dari CIMB Group Holdings Berhad akan menjejaskan pelaksanaan program perintis PLUS RFID?**

PLUS percaya pelancaran ujian perintis bersasar PLUS RFID baru-baru ini berupaya untuk memberikan lebih banyak pilihan kepada rakyat memandangkan ianya menawarkan lebih pilihan serta kemudahan kepada pengguna untuk membuat pembayaran melalui kad kredit atau kad kredit, sebagai tambahan kepada sistem pembayaran dompet elektronik (Ewallet) dan pembayaran prabayar sedia ada yang disediakan oleh Touch 'n Go e-wallet.

Sistem pembayaran E-Wallet dan pembayaran prabayar oleh Touch 'n Go masih tetap menjadi salah satu pilihan pembayaran di dalam ujian perintis bersasar PLUS RFID.

Justeru itu, pihak PLUS percaya tidak terdapat sebarang pelanggaran terhadap mana-mana perjanjian. Sila rujuk: <https://bit.ly/2QVOxVt>

**25. Siapakah yang boleh saya hubungi jika ingin bertanyakan hal berkaitan RFID Open Payment?**

Sila hubungi talian PLUSLINE di 1-800-88-0000 untuk sebarang pertanyaan lanjut. Kami juga menyediakan portal untuk semua yang menyertai ujian perintis ini memberi maklumbalas berhubung penggunaan RFID open payment